

ANALYSIS OF MAQASID SHARIAH IN MEASURES TO PREVENT THE PANDEMIC OF COVID-19 THROUGH MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO)

ANALISIS MAQASID SYARIAH DALAM LANGKAH PENCEGAHAN PANDEMIK COVID-19 MELALUI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Nor Arina Aqilah Abdul Rahmanⁱ, Siti Nur Rozita Adawiyah Ahmad Roziⁱⁱ, Faezy Adenanⁱⁱⁱ
& Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif^{iv}

ⁱ Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. arinaaqilah@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pelajar Sarjana, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. rozitaadawiyah97@gmail.com

ⁱⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Shah Alam. faezyadenan@uitm.edu.my

^{iv} Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi. izzatamsyar@ukm.edu.my

Abstract	<p><i>Covid-19 pandemic is a phenomenon that has shocked people all over the world including Malaysia. This pandemic is caused by a series of new outbreaks of a type of Novel Coronavirus, namely Covid-19. This pandemic has also indirectly affected human life from various angles and aspects. This study discusses the analysis of Maqasid Syariah in preventing the Covid-19 pandemic through the Movement Control Order (MCO). This study uses a qualitative method by analyzing data from books, journals, and relevant websites. Findings were analyzed using content analysis methods. The results of the study found that the Movement Control Order (MCO) is a measure to prevent the Covid-19 pandemic that meets the demands of the five principles of Maqasid Syariah.</i></p> <p>Keywords: <i>Pandemic, Covid-19, Maqasid, Shariah, MCO.</i></p>
Abstrak	<p><i>Pandemik Covid-19 merupakan satu fenomena yang telah menggemparkan manusia di seluruh dunia termasuklah Malaysia. Pandemik ini terjadi rentetan penularan wabak baru sejenis Novel Coronavirus iaitu Covid-19. Pandemik ini juga secara tidak langsung telah menjejaskan kehidupan manusia dari pelbagai sudut dan aspek. Kajian ini membincangkan mengenai analisis Maqasid Syariah dalam mencegah pandemik Covid-19 melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kajian ini menggunakan metode secara kualitatif dengan menganalisis data-data dari penulisan buku, jurnal, laman web yang berkaitan. Dapatan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu langkah pencegahan pandemik Covid-19 yang memenuhi tuntutan lima prinsip Maqasid Syariah.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Pandemik, Covid-19, Maqasid, Syariah, PKP.</i></p>

PENDAHULUAN

Era globalisasi dan moden kini telah dikejutkan dengan berita penularan wabak Covid-19 yang telah diisytiharkan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada 11 Mac 2020. Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus berkata bahawa virus berkenaan telah menjangkiti lebih 118,000 orang di 114 negara dan telah meragut 4,291 nyawa setakat ini (Berita Harian Online, 2020).

Wabak ini telah dikesan lebih kurang pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China. Virus wabak Covid-19 ini berjangkit dengan kaedah yang sama seperti Influenza iaitu melalui titisan pernafasan batuk atau bersin. Antara gejala-gejala Covid-19 yang dapat dikenal pasti adalah seperti demam, batuk dan sesak nafas. Virus wabak ini boleh mendatangkan pelbagai komplikasi kepada pesakitnya sehingga boleh menyebabkan kematian. Sukar untuk bernafas merupakan salah satu komplikasi yang harus dihadapi oleh pesakit-pesakit Covid-19. Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan termasuklah mengesyorkan tujuh langkah mencuci tangan dengan cara yang betul, menggalakkan penggunaan cecair pembasmi kuman atau hand sanitizer, melakukan sekatan perjalanan, membatalkan upacara perayaan dan langkah yang paling utama adalah dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Di Malaysia Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau juga dikenali sebagai Movement Control Order (MCO) telah dilaksanakan bermula 18 Mac 2020. PKP juga selalu disebut sebagai Lockdown Malaysia oleh media antarabangsa. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah diisytiharkan sebagai langkah pencegahan wabak Covid-19 oleh Perdana Menteri Malaysia ke-8 pada ketika itu iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi tempoh yang pertama telah dijalankan bermula 18 Mac 2020 sehingga 31 Ogos 2020.

Justeru, kajian ini ingin melihat sejauh mana pelaksanaan PKP yang dijalankan di Malaysia berdasarkan penilaian Maqasid Syariah *ḍarūriyyāt* yang lima, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Adakah pelaksanaan PKP ini dapat menjaga kemaslahatan dan mengelak kemudaratan sebagaimana tuntutan utama dalam Maqasid Syariah.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif sebagai metodologi kajian dan hasil dapatan kajian diperolehi menerusi kajian kepustakaan. Maklumat yang digunakan dalam proses untuk menganalisis dokumen diperolehi melalui kajian daripada buku digital, tesis, jurnal dan lain-lain. Selain itu, sumber daripada internet juga turut diambil untuk dijadikan rujukan contohnya daripada kajian artikel yang diperolehi melalui carian di 'google scholar', laman web yang berautoriti dan sebagainya bagi mendapatkan maklumat mengenai wabak pandemik ini.

Merujuk kepada kaedah yang diguna pakai untuk menganalisis data, kaedah yang digunakan adalah dengan menggunakan analisis dokumen dan kandungan melalui menganalisa maqasid syariah mengenai kaedah mendepani wabak ini, sejarahnya kewujudannya, sejarah wabak suatu ketika dahulu dan sebagainya berdasarkan pendekatan diskriptif kemudian dibuat kesimpulan

DAPATAN KAJIAN

Wabak Penyakit Covid-19

Kajian yang dilakukan oleh Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia (UPM), menyatakan bahawa penyakit Coronavirus Covid-19 adalah satu penyakit berjangkit yang dibawa oleh virus Corona yang telah mencatatkan rekod kes pertama penyakit ini pada Disember 2019 di Wuhan, China (Universiti Putra Malaysia, 2020). Seperti yang ramai sudah sedia maklum bahawa antara simptom-simptom wabak penyakit ini adalah seperti batuk, selsema dan demam serta sesak nafas akan tetapi wabak ini menyerang manusia dengan cara yang berbeza mengikut tahap kesihatan seseorang.

Penghidap wabak ini akan menjadi semakin kritikal dan mengalami simptom yang lebih teruk seperti muntah-muntah, keletihan melampau dan kadar oksigen dalam badan semakin menurun dan akan menyebabkan penghidap penyakit ini akan ditidurkan. Wabak penyakit Covid-19 ini menyebarkan virus jahat tersebut melalui pernafasan dan sentuhan terutama apabila berada pada jarak yang dekat. Virus Corona bagi wabak penyakit ini mampu bertahan di permukaan plastik dan keluli berbanding tembaga dan kertas (Akademi Sains Malaysia (ASM), 2020). Wabak penyakit ini sangat berbahaya kerana boleh mengancam nyawa. Statistik setakat Februari 2022 menunjukkan bahawa angka kematian Covid-19 di hospital telah merekodkan satu jumlah yang besar iaitu seramai 36,387 mangsa yang meninggal dunia (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2022).

Muhammad Nur Akmal Azizuddin (2020) menyatakan dalam kajian mereka bahawa Coronavirus merujuk kepada satu kumpulan virus yang besar yang juga merangkumi virus-virus lain yang boleh menyebabkan penyakit kepada manusia termasuk SARS-CoV (Severe Acute Respiratory Syndrome), MERS-CoV (Middle East Respiratory Syndrome) dan virus-virus lain. Kajian tersebut juga menyatakan bahawa virus Covid-19 ini pernah hangat diperkatakan kononnya hasil ciptaan biokejuruteraan di makmal namun semuanya palsu. Tiada bukti yang kukuh menunjukkan bahawa dakwaan tersebut benar. Simptom Covid-19 berbeza-beza mengikut ketahanan imunisasi badan masing-masing. Boleh dikatakan simptom-simptom Covid-19 ini tidak spesifik dan kadang-kadang penghidap penyakit ini tidak mengalami sebarang gejala akan tetapi ia mampu membawa maut. Wabak penyakit ini menyerang badan manusia tanpa mengira peringkat umur hatta kanak-kanak sekalipun telah mencatat jumlah angka yang besar sebagai penghidap atau mangsa virus Covid-19.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Kajian yang dilakukan oleh (Evayusni, 2022) telah menjelaskan bahawa terdapat beberapa istilah yang berkaitan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mengikut kategori mereka tersendiri.

Pertama, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermaksud tiada sebarang pergerakan ke luar rumah atau berada di luar kawasan perumahan kecuali diberikan pelepasan seperti pekerja barisan hadapan atau frontliners. Perintah ini akan dilakukan secara menyeluruh sekiranya kes meningkat dengan mendadak.

Kedua, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD). Perintah ini bermaksud bahawa kawalan pergerakan sepenuhnya di satu-satu kawasan dan tidak dibenarkan sama sekali untuk keluar dari rumah dan kawasan tempat tinggal.

Ketiga, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Bersasar (PKPDB). Perintah yang disebut sebagai PKPDB ini merupakan kawalan pergerakan penuh di kawasan setempat terpilih yang terbabit kes sahaja seperti di asrama, kawasan perumahan yang kecil, kawasan kampung dan sebagainya. Boleh juga dikatakan bahawa ia sama seperti PKPD tetapi dikuatkuasakan pada kawasan kecil dan tertentu sahaja. Keempat, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Kawalan pergerakan PKPB adalah perintah kawalan pergerakan yang lebih longgar daripada PKPD dan PKP dengan menghadkan perhimpunan di majlis atau sesuatu acara. Kegiatan ekonomi juga sudah dibenarkan untuk dijalankan tetapi haruslah mengikut prosedur atau SOP yang telah ditetapkan.

Akhir sekali, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Dalam tempoh PKPP ini tiada lagi kawalan ketat dari pihak berkuasa. Tiada lagi sekatan jalan raya dan pengurungan di dalam kawasan rumah. Semua orang bebas untuk pergi ke mana sahaja akan tetapi haruslah mengamalkan SOP Covid-19 dengan menjaga penjarakan satu meter, kerap mencuci tangan dan memakai pelitup muka semasa berada di tempat awam. Syarat-syarat perintah kawalan pergerakan yang telah disebutkan pada kajian lepas ini adalah bergantung pada situasi semasa atau tampuk pemerintahan kerajaan pada waktu tersebut.

Irwan (2020) menyatakan dalam kajiannya bahawa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). MKN pula adalah sebuah agensi kerajaan yang menyelaras dasar-dasar keselamatan sejak ia ditubuhkan pada tahun 1971. Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertanggungjawab menyelaraskan dasar yang

berkaitan keselamatan negara dan arah tuju hal-hal keselamatan. Menurutnya, arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menepati garis panduan keselamatan negara dalam menangani wabak Covid-19 yang sedang melanda. Kajian ini menekankan bahawa tujuan PKP dilaksanakan adalah untuk menangani penularan wabak penyakit Covid-19 khususnya di Malaysia dengan menghentikan rangkaian penyebaran wabak Covid-19.

Sejarah dan Hubungkait Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam Pencegahan Wabak pada Zaman Terdahulu dan Kini

Wabak atau pandemik dalam sejarah peradaban manusia bukanlah sesuatu yang baharu. Pada zaman dahulu, taun terkenal sebagai penyakit berjangkit yang sering melanda dalam sejarah Islam sejak zaman Rasulullah lagi berdasarkan rekod lintasan sejarah Islam (Lukman Abd Mutalib, 2020). Menurut Ibn Hajar al-Asqalani, terdapat kira-kira 45 kali berlakunya peristiwa penularan wabak taun dalam sejarah Islam (Che Mohamad et al., 2020). Oleh hal yang demikian, telah wujud perbincangan berkenaan wabak dalam kalangan ulama pada zaman terdahulu. Menurut al-Barakati melalui artikel tulisan (Lukman Abd Mutalib, 2020), sebahagian fuqaha telah memberi takrifan bahawa *al-waba'* adalah merupakan *al-ta'un*. Namun takrifan tersebut telah diperbetulkan oleh Ibn Hajar al-Asqalani dan Ibn Qayyum, mereka menyatakan bahawa setiap *al-ta'un* adalah *al-waba'* tetapi tidak semua *al-waba'* adalah merujuk kepada *al-ta'un*.

Antara jenis wabak taun yang telah terjadi berdasarkan rekod adalah Taun *Syirawaih* yang terjadi di Hijjaz, Taun *Amwas* yang berlaku pada 627M (Lukman Abd Mutalib, 2020) sehingga mengorbankan sebanyak 25,000 orang tentera Islam termasuklah Abu Ubaidah al-Jarrah, Muaz bin Jabal, Suhail bin Amru dan banyak lagi. Selain itu, Taun *al-Jarif* pula yang hanya berlaku selama tiga hari, namun angka korbannya mencecah 70,000 nyawa setiap hari seakan-akan hampir semua manusia di Basrah itu telah meninggal dunia. Seheinggakan telah dinukilkan oleh Ibn Al-Jauzi melalui kajian yang ditulis oleh (Lukman Abd Mutalib, 2020), terlalu banyak mayat bergelimpangan hingga menyukarkan urusan pengkebumian, lalu diputuskan pengkebumian dibuat dengan cara mengunci pintu rumah penghuni yang keseluruhan ahlinya telah meninggal dunia akibat taun ini.

Tambahan lagi, antara wabak taun yang telah terjadi ialah Taun *al-Fatayat* atau Taun *al-Ashraf* yang mengorbankan kaum wanita dan remaja perempuan pada asalnya sebelum merebak kepada kalangan lelaki, namun telah disangkal oleh kajian yang lain bahawa penyakit ini direkodkan dari kalangan orang yang berkedudukan dalam masyarakat (Lukman Abd Mutalib, 2020). Akhir sekali, Taun *al-Am* atau *al-Kabir* merupakan sebuah taun yang telah melanda benua Eropah dan dikenali sebagai '*Black Death*', yang telah berlaku pada tahun 1348M. Bencana taun ini telah memberi pengaruh yang besar kepada perkembangan sosio-ekonomi, budaya, seni, agama, dan politik di benua Eropah yang meragut sekitar 15 hingga 23.5 juta orang Eropah serta turut merebak ke beberapa buah negara Islam seperti Mesir, Syria, Turki dan Lubnan (Lukman Abd Mutalib, 2020).

Penularan wabak ini secara langsung telah memberi kesan kepada tafsiran perundangan Islam mengenai wabak, segala suruhan dan tegahan Rasulullah mengenai penyakit ini telah ditafsirkan dan diterjemahkan pada tindakan para sahabat bagi mengekang penularan ini. Terdapat tiga prinsip utama berdasarkan hadis Rasulullah; iaitu wabak merupakan rahmat dan syahid daripada Allah untuk Muslim yang beriman dan merupakan hukuman bagi orang kafir, seorang Muslim tidak boleh memasuki atau keluar dari tempat terkena wabak, serta tidak ada istilah penyakit yang berjangkit, kerana ianya hadir langsung daripada Allah (Lukman Abd Mutalib, 2020).

Melalui wabak taun yang melanda, kajian daripada Lukman Abd Mutalib (2020) telah menukilkan hukum daripada amalan masyarakat terdahulu untuk mendepani wabak taun ini, antaranya adalah dengan melakukan sekatan perjalanan keluar dan masuk ke kawasan yang sedang dilanda wabak. Langkah ini merupakan langkah terbaik dalam memerangi taun menurut pendapat Ibn Qayyim al-Jauziyyah dalam bukunya *Zad al-Ma'ad fi Hadyi Khayr al-'Ibad* (Lukman Abd Mutalib, 2020). Ini kerana, menurut beliau Rasulullah

turut melarang umatnya memasuki kawasan berlakunya wabak dan melarang mereka daripada meninggalkan kawasan tersebut. Ini menunjukkan bukti kebijaksanaan Baginda yang secara tidak langsung telah membina sistem pencegahan penyakit yang optimum.

Selain itu, antara peristiwa lain berlaku ketika Saidina Umar al-Khattab (r.a.) bersama-sama para Sahabat (r.a.) yang lain sedang membincangkan secara syura untuk meneruskan perjalanan ke Syria yang sedang dilanda wabak taun 'Amwas atau pulang ke Madinah. Kejadian ini dilaporkan oleh Ibn Abbas (RA):

“Dari Ibn Abbas (r.a.) bahawasanya Umar bin al-Khattab (r.a.) keluar menuju ke Syam. Ketika sampai di Saragh, 179 para panglima tentera; Abu 'Ubaidah ibn al-Jarrah dan para sahabatnya segera menemuinya lalu mereka memberikan khabar bahawa sejenis wabak penyakit sedang menjangkiti negeri Syam. Ibn Abbas (r.a.) berkata: “Maka Umar (r.a.) berkata kepadaku: “Panggilkan kemari para sahabat muhajirin yang pertama!” Aku pun segera memanggil mereka, lalu Umar (r.a.) mengadakan syura dengan mereka dan menceritakan bahawa negeri Syam kini sedang dijangkiti wabak penyakit. Mereka pun berselisih pendapat. Sebahagian mereka berkata: “Kamu keluar dengan satu tujuan, maka menurut kami tidak ada alasan untuk membatalkan perjalanan ini.” Sebahagian mereka berkata: “Mereka yang menyertai kamu adalah saki baki sahabat Rasulullah (s.a.w.). Menurut kami, sebaiknya kamu tidak perlu membawa mereka ke dalam kebinasaan.” Umar (r.a.) berkata: “Baiklah, pergi kalian!” Kemudian beliau berkata kepadaku: “Panggilkan para sahabat Ansar datang kemari!” Aku pun memanggil mereka, lalu Umar (r.a.) mengadakan syura dengan mereka, dan mereka pun mengemukakan cadangan seperti yang dilakukan oleh kaum Muhajirin. Mereka berselisih pendapat sebagaimana kaum Muhajirin berselisih pendapat, lalu Umar (r.a.) berkata: “Baiklah, pergilah kalian!” Kemudian Umar (r.a.) berkata kepadaku: “Panggilkan kemari, jika ada, tokoh suku Quraisy yang hijrah ketika pembebasan kota Mekah!” Maka aku memanggil mereka, dan ternyata mereka semua mengemukakan satu pendapat dengan berkata: “Menurut kami, lebih baik anda membawa kembali pulang rombongan ini, dan tidak perlu membawa mereka ke dalam kebinasaan wabak itu.” Umar (r.a.) kemudian segera mengeluarkan pengumuman di tengah-tengah mereka: “Sesungguhnya aku esok pagi akan kembali pulang. Jadi hendaklah kalian kembali pulang bersamaku!” Mendengar itu, Abu 'Ubaidah (r.a.) bertanya: “Adakah tindakan kamu ini kerana lari dari takdir Allah?!” Umar (r.a.) menjawab: “Andaikan bukan kamu yang menanyakannya, wahai Abu 'Ubaidah! – Umar (r.a.) tidak suka berselisih dengannya – “Ya, benar! Kita lari daripada takdir Allah, menuju takdir Allah.” Katakan kepadaku! Jika kamu mempunyai unta, kemudian ia turut ke sebuah lembah yang mempunyai dua sisi (pinggiran); salah satunya subur, dan yang lain tandus, bukankah jika kamu mengembalikannya di pinggiran yang subur, hal itu kamu lakukan dengan takdir Allah? Dan sebaliknya jika kamu bawa ke pinggiran yang tandus, bukankah kamu lakukan itu dengan takdir Allah?” Ibn Abbas (r.a.) berkata: “Kemudian Abdul Rahman bin 'Auf (r.a.) datang – sebelum ini beliau tiada di sana kerana ada satu urusan – lalu berkata: “Aku tahu masalah ini. Aku pernah mendengar Rasulullah (s.a.w.) bersabda: “Jika kalian mendengar bahawa suatu negeri telah mengalami penyakit berjangkit, maka janganlah kalian mendatangnya, dan jika wabak itu menjangkit di tempat yang kalian berada di dalamnya, maka janganlah kalian keluar daripadanya kerana hendak melarikan diri daripadanya.” Maka Umar (r.a.) memuji Allah dan terus pergi pulang menuju ke Madinah. (Hadis. al-Bukhari. Kitab at-Tibb. Bab 30 Ma Yuzkaru fi al-tho'un. 5729).

Ini menunjukkan larangan untuk memasuki ke tempat wabak adalah ditegah kecuali atas urusan mustahak. Larangan ini adalah untuk mengelakkan daripada berlaku mudarat yang lebih besar apabila individu tersebut kembali pulang daripada tempat wabak tersebut dimana berkemungkinan untuk merebakkan penyakit tersebut di tempat lain pula.

Hukum fiqh kedua yang disimpulkan adalah melibatkan perlaksanaan kuarantin apabila terdapat sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Saidatina Aisyah:

{ عَنْ يَحْيَى بْنِ يَعْمَرَ، عَنْ عَائِشَةَ زَوْجِ النَّبِيِّ أَهْمَا أَحْبَبْتَنَا أَهْمَا سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ عَنِ الطَّاعُونَ فَأَخْبَرَهَا نَبِيُّ اللَّهِ أَنَّهُ كَانَ عَذَابًا يَبْعَثُهُ اللَّهُ عَلَى مَنْ يَشَاءُ فَجَعَلَهُ اللَّهُ رَحْمَةً لِلْمُؤْمِنِينَ. فَلَيْسَ مِنْ عَبْدٍ يَقَعُ الطَّاعُونَ فَيَمُوتُ فِي بَلَدِهِ صَابِرًا يَعْلَمُ أَنَّهُ لَنْ يُصِيبَهُ إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَهُ إِلَّا كَانَ لَهُ مِثْلُ أَجْرِ الشَّهِيدِ }

Maksudnya: "Yahya bin Ya'mar meriwayatkan daripada Aisyah, isteri Nabi s.a.w bahawa dia pernah mengkhabarkan kepada kami bahawa dia bertanya kepada Rasulullah s.a.w. mengenai wabak. Kemudian Nabi Allah s.a.w. mengkhabarkan kepadanya bahawa wabak adalah azab yang dikirim oleh Allah kepada sesiapa sahaja yang dikehendaki-Nya. Akan tetapi Allah menjadikannya rahmat bagi orang-orang yang beriman. Tidak ada seorang pun hamba yang sedang tertimpa wabak, kemudian dia tetap tinggal di negerinya dalam keadaan sabar dan dia mengetahui bahawa tidak ada yang menimpa dirinya kecuali apa yang telah ditetapkan oleh Allah untuknya. Maka baginya pahala seperti pahala orang yang mati syahid." (Hadis. Bukhari. Kitab Al-Tibb. Bab 30 Ajri as-Sobir fi al-tho'un. 5734).

Hadis di atas menjelaskan tentang pahala syahid akan diberikan kepada orang yang kekal berada dalam rumahnya, ini jelas menunjukkan Rasulullah memberi saranan untuk pesakit wabak menjauhkan diri daripada orang lain supaya wabak tersebut dapat dikawal daripada terus merebak.

Hukum fiqh ketiga adalah larangan berkumpul untuk berdoa secara berjemaah. Peristiwa ini telah direkodkan pada tahun 1348M apabila masyarakat berkumpul untuk menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan ketika penularan wabak Taun al-Am. Kegiatan ini tidak langsung meredakan wabak, malah keadaan menjadi semakin parah. Dalam hal ini, terdapat beberapa fatwa yang telah dikeluarkan ulama tentang pensyariatkan amalan tersebut. Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t) menyatakan bahawa pendapat yang mengatakan amalan ini lebih baik untuk tidak dilakukan kerana dikhuatiri akan berlakunya fitnah kepada Islam lebih-lebih lagi dalam keadaan wabak. Jika aktiviti doa beramai-ramai telah disyariatkan, pastinya para ulama' salaf dan para fuqaha di seluruh negeri Islam serta pengikut-pengikut lampau mereka sudah terlebih dahulu tahu akan hal ini. Namun, tidak pernah sampai apa-apa periwayatan atau athar daripada perawi hadis atau apa-apa penulisan fuqaha yang merekodkan kaedah tersebut sebagai ikhtiar dalam mengawal wabak.

Hukum fiqh seterusnya adalah larangan untuk menziarahi mangsa yang terlibat sebagai korban kepada wabak tersebut. Ini merupakan saranan para doktor yang sering mengingatkan para penduduk setempat supaya tidak menziarahi mangsa korban taun.

Hukum fiqh yang kelima adalah penyakit taun termasuk dalam kategori marad al-makhuf. Penyakit ini secara amnya mengancam nyawa dan membawa kepada kematian, sama ada kematian itu disebabkan oleh penyakit tersebut atau perkara lain yang tidak berkaitan dengan penyakit. Oleh itu, sesiapa yang menghadapi penyakit ini termasuk dalam golongan makhuf dan hukum-hakam berkaitan marad al-maut akan terpakai ke atasnya seperti hibah, waqaf, wasiat, pewarisan, dan talak.

Secara keseluruhannya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di Malaysia seperti yang telah dijelaskan pada kajian literatur adalah amat bertepatan mengikut hukum fiqh yang telah ditetapkan dalam garis panduan Islam. Contohnya seperti larangan untuk keluar masuk keluar atau kedalam daerah yang telah dilanda dengan wabak, pelaksanaan kuarantin bagi orang yang terlibat untuk mengawal wabak tersebut dijangkiti oleh orang

lain, larangan untuk berkumpul dan berdoa secara fizikal di tempat umum serta larangan menziarahi mangsa korban wabak tersebut.

PERBINCANGAN

Pencegahan Pandemik Covid-19 Melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Menurut Maqasid Syariah (Prinsip *Hifz al-Nafs*)

Menurut Wahbah Zuhayliyy (1996), maqasid syariah merupakan nilai atau sasaran syara' yang tersirat dalam sebahagian besar atau seluruh hukum yang ditetapkan oleh Allah dimana perkara tersebut dilihat sebagai tujuan atau rahsia dalam setiap penentuan sesuatu hukum. Imam al-Shatibiyy (1997) juga ada menyebutkan bahawa beban-beban syariah adalah kembali kepada penjagaan dan pemeliharaan tujuan-tujuannya pada makhluk, dan tujuan tersebut tidak terlepas daripada kategori *darūriyyāt*, *hājiiyyāt* dan *taḥsīniyyāt*.

Secara umumnya, konsep *hifz al-nafs* diletakkan ditangga pertama atau kedua selepas *hifz al-din* dalam hierarki keutamaan dalam konsep Maqasid Syariah. Sebagai contoh, Islam telah melarang secara keras perbuatan membunuh diri sendiri atau membunuh manusia lain dengan ditetapkan hukuman qiyas, diyat ataupun kaffarah bagi individu yang telah melakukan pembunuhan sama ada sengaja atau tidak (Hasri Harun, 2021).

Ibn 'Ashur (1998) dalam menghuraikan makna *hifz al-nafs* menerangkan bahawa ia merupakan pemeliharaan roh manusia keseluruhannya daripada terjerumus ke lembah kebinasaan. Beliau berpandangan bahawa yang dimaksudkan dengan menjaga jiwa adalah merujuk kepada pemeliharaan keseluruhan jiwa seseorang individu yang merangkumi pelbagai aspek yang boleh dilihat atau disentuh oleh deria iaitu rohani. Jasmani pula adalah melibatkan anggota badan dan pancaindera keseluruhannya. Rohani pula meliputi nyawa, akal, hati, emosi, perasaan, nafsu dan sebagainya.

Menurut Kasule dalam *al-Akhlaqiyat al-Tibbiyah min al-Maqasid al-Syar'iyah*, objektif memelihara nyawa sangat berkait rapat dengan sains perubatan. Sains perubatan bukanlah bertujuan untuk melewati atau menghalang kematian, namun sains perubatan adalah bertujuan untuk memenuhi suruhan Allah dan Rasulullah untuk kewajipan mencari ikhtiar atau rawatan apabila mengalami kesakitan (Hasri Harun, 2021). Sebagai contoh, pengambilan vaksin untuk menjaga kesejahteraan nyawa sebagai ikhtiar mengelak daripada penyakit berjangkit tersebut.

Dalam Islam, setiap umat diwajibkan untuk menghindarkan diri daripada kemudharatan. Islam melarang daripada mendekati diri daripada tempat-tempat yang dijangkiti dengan wabak penyakit berjangkit sepertimana telah diriwayatkan oleh sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Sa'd Ibn Abi Waqqash (r.a), Rasulullah telah bersabda:

{ عن أسامة بن زيد رضي الله عنهما مرفوعاً: إذا سمعتم الطاعونَ بأرضٍ فلا تدخلوها وإذا وقع بأرضٍ وأنتم فيها فلا تخرجوا منها }

Maksudnya: "Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpa sesuatu tempat maka janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terdapat padanya taun, janganlah kamu keluar daripadanya" (Hadis. al-Bukhari. *Kitab at-Tibb*. Bab 30 *Ma Yuzkaru fi al-tho'un*. 5728).

Covid-19 yang melanda umat manusia bermula pada akhir tahun 2019, menyaksikan jutaan manusia yang telah terkorban akibat daripada jangkitan wabak yang melanda. Usaha untuk mencegah pandemik Covid-19 sangat menepati tuntutan Maqasid Syariah dari sudut menjaga nyawa. Seperti yang kita semua tahu bahawa Covid-19 merupakan penyakit berjangkit yang tinggi risikonya kepada kematian kerana ia boleh merosakkan organ-organ kita terutama paru-paru dan jantung. Oleh sebab itu, dapat kita lihat kebanyakan penghidap penyakit Covid-19 mengalami kesukaran untuk bernafas. Usaha perlu dilakukan untuk membendung wabak ini dari terus mengancam nyawa

manusia seperti yang dituntut oleh Maqasid Syariah Islam iaitu kita harus menjaga nyawa kita (*hifz al-nafs*) dengan sebaiknya.

Antara langkah untuk mencegah penularan Covid-19 adalah dengan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). “Maqasid syariah menjadi prinsip panduan dalam menggerakkan usaha kerajaan untuk melawan pandemik Covid-19, biarpun pada zahirnya ia tidak diuar-uarkan”, pernyataan ini telah dikeluarkan oleh Perdana Menteri Malaysia yang ke-8 iaitu Tan Sri Muhyiddin Yassin yang telah dimuatnaik di dalam akhbar digital Berita Harian (Rafidah, 2020). Pernyataan ini secara tidak langsung mengangkat peranan Maqasid Syariah dalam mencegah penularan wabak Covid-19.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) amatlah bertepatan dalam hal memelihara nyawa. Sebagai contoh, pelaksanaan PKP dapat mengelakkan daripada pandemik Covid-19 makin menular dan tindakan menguatkuasakan perintah kawalan pergerakan PKP merupakan pengaplikasian prinsip Maqasid Syariah. Manusia juga pasti sudah memahami bahawa tuntutan menjaga nyawa amatlah penting lebih-lebih lagi dengan statistik pertambahan angka pesakit dan kematian akibat wabak ini. Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa analisis maqasid syariah dari aspek *hifz an-nafs* iaitu menjaga nyawa amatlah bertepatan dalam mencegah penularan Covid-19 melalui Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

PKP akan dapat menyelamatkan ramai nyawa, apabila orang ramai tidak keluar rumah ketika pelaksanaan PKP. Ini disebabkan putusannya rangkaian wabak Covid-19 ini daripada terus merebak. Orang yang masih sihat tidak akan dijangkiti oleh orang yang telah dijangkiti, orang yang dijangkiti pula tidak akan menjangkiti orang lain apabila masing-masing berada di tempat kediaman masing-masing. Oleh itu, pelaksanaan PKP dapat menyelamatkan nyawa ramai manusia (*hifz al-nafs*) daripada dijangkiti seterusnya menyebabkan kematian dan kehilangan nyawa.

Maslahah di sebalik Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Menurut Muhammad Said Ramadhan di dalam bukunya, *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah* yang telah dinukilkan oleh Afnan Faiz Ridzuan Ahmad (2021), *maslahah* dari sudut istilah merujuk kepada setiap manfaat yang dikehendaki oleh Allah terhadap hamba-hambanya.

Maslahah dari aspek kepentingan kepada manusia terbahagi kepada tiga kategori iaitu *darūriyyah*, *hājiyyah* dan *tahsīniyyah* (Afnan Faiz Ridzuan Ahmad, 2021). *Maslahah* yang paling penting dalam hidup manusia yang perlu dipelihara adalah *maṣlaḥah darūriyyah*. Afnan Faiz Ridzuan Ahmad (2021) dalam kajiannya menukulkan bahawa Imam Ghazali mendefinisikan *maslahah* dalam kitab *al-Mustasfā* iaitu merupakan pemeliharaan syarak terhadap lima perkara iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Maka, apa-apa yang diperlukan bagi menjaga kelima-lima usul ini adalah merupakan *maslahah*, dan perkara yang menggugat lima perkara ini adalah merujuk kepada mafsadah. Secara keseluruhannya dapat difahami *maslahah* meliputi perkara yang mendatangkan kebaikan untuk manusia dan dalam masa yang sama tidak menyalahi prinsip-prinsip umum syarak (Afnan Faiz Ridzuan Ahmad, 2021).

Dalam Islam, pencegahan penyakit adalah merupakan salah satu elemen dalam usaha menjaga kemaslahatan, iaitu di bawah kategori *darūriyyah* yang termasuk dalam pecahan penjagaan nyawa. Menurut pendapat Syeikh al-Sa'di (2000) menafsirkan ayat mengenai perkara ini telah disebutkan secara jelas berdasarkan firman Allah,

﴿... وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ ...﴾

Maksudnya:“... dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam kebinasaan...” (al-Quran. al-Baqarah: 195)

Berdasarkan ayat al-Quran tersebut, Syeikh al-Sa'di (2000) menjelaskan bahawa frasa mencampakkan diri ke dalam kebinasaan tersebut merujuk kepada dua keadaan iaitu apabila seorang hamba mengalami kerosakan tubuh atau nyawa apabila meninggalkan

suruhan atau melakukan perkara yang menyebabkan kepada kematian. Antara contohnya, meninggalkan jihad di jalan Allah atau sengaja memasuki ke tempat yang berbahaya dan seumpamanya. Contoh lain untuk kategori mencampakkan diri kepada kebinasaan adalah seperti melakukan maksiat, meninggalkan perintah Allah yang wajib dan sebagainya.

Rasulullah juga turut memberi panduan sebagai usaha pencegahan penyakit, antaranya melalui hadis Baginda:

{عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا مَرْفُوعًا: إِذَا سَمِعْتُمُ الطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ فِيهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا}

Maksudnya: “Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpa sesuatu tempat maka janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terdapat padanya taun, janganlah kamu keluar daripadanya” (Hadis. al-Bukhari. *Kitab at-Tibb*. Bab 30 *Ma Yuzkaru fi al-tho’un*. 5728)

Ini menunjukkan bahawa pencegahan penyakit adalah amat dituntut oleh Islam malah ia juga dimasukkan dalam salah satu kaedah dalam usul fiqh iaitu *sad al-dharai’* yang merujuk kepada penyekatan pintu kerosakan atau kemusnahan. Malah menurut Abdul Karim al-Qalaliyy (2020) yang beliau mengatakan bahawa pencegahan daripada kebinasaan (mati) adalah merupakan antara perkara terpenting yang dinaskan oleh syarak dalam kebanyakan ayat al-Quran atau hadis.

Syariat Islam juga mengesyorkan rawatan apabila berlakunya penyakit, pemeliharaan daripada apa-apa perkara yang menyakiti manusia atau makhluk lain, serta penyediaan persiapan bagi perkara yang dijangka akan berlaku dan sebagainya (Irwan, 2020). Abdul Karim al-Qalaliyy (2020) juga menyatakan bahawa rawatan mestilah mengambil kira sabab musabbab dan ia merupakan tuntutan syarak yang pasti. Bahkan, jika seseorang individu itu dibimbangi akan mati asbab daripada penyakit tersebut, hukum meletakkan tahap wajib bagi mengambil rawatan atau pencegahan untuk mengubati penyakit tersebut.

Dalam hadis yang lain juga, Rasulullah turut menggesa umat Islam untuk mengikut tindakan tertentu bagi menghindari wabak dalam kalangan mereka, dimana telah tertulis:

{عَطُّوا الْإِنَاءَ، وَأَوْكُوا السِّقَاءَ، فَإِنَّ فِي السَّنَةِ لَيْلَةً يَنْزِلُ فِيهَا وَبَاءٌ، لَا يَمُرُّ بِإِنَاءٍ لَيْسَ عَلَيْهِ غِطَاءٌ، أَوْ سِقَاءٍ لَيْسَ عَلَيْهِ وَكَاءٌ، إِلَّا نَزَلَ فِيهِ مِنْ ذَلِكَ الْوَبَاءِ}

Maksudnya: “Tutuplah bekas dan tutuplah minuman. Dalam setahun akan ada satu malam di mana turunnya wabak. Ia tidak akan melalui bekas yang tidak ada penutup, atau minuman yang tidak ada penutup kecuali wabak itu akan turun padanya” (Hadis. Muslim. *Kitab al-Ashribah*. Bab 12. 2014)

Ini membuktikan Rasulullah turut mengajar umatnya melalui beberapa tindakannya yang telah direkodkan di dalam hadis dalam pencegahan penyakit melalui kaedah menutup bekas makanan atau minuman yang terbuka. Secara tidak langsung, kemungkinan wabak menular yang berpunca daripada kuman yang merebak melalui udara dapat dielakkan.

Kaedah-kaedah pencegahan ini juga menepati dengan Maqasid Syariah yang bertujuan untuk memelihara nyawa atau dikenali sebagai *hifz al-nafs* dimana pemeliharaan nyawa dengan menghalang orang-orang daripada keluar masuk ke tempat berwabak untuk mengelakkan jangkitan terhadap orang lain.

Menurut al-Syatibi, apa-apa perkara yang ingin dilaksanakan untuk menjaga masalah ummah hanya akan diperakui benar oleh syarak sekiranya perkara tersebut tidak bercanggah dengan Maqasid al-Syariah iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Ini secara jelas menunjukkan bahawa syariat Islam telah mendahului dalam pelaksanaan garis panduan untuk menghadapi penularan wabak di sesebuah tempat.

Hal ini juga didapati bertepatan dengan kaedah pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dengan penutupan pintu keluar masuk negara melalui semua jenis kaedah pengangkutan, perintah larangan perjalanan dan perhimpunan yang dilaksanakan untuk masyarakat dalam negara, penutupan kesemua aktiviti ekonomi, pendidikan, sosial termasuk premis kerajaan dan swasta dan sebagainya yang bersifat terbuka bagi membendung penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

PENUTUP

Secara keseluruhannya, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) sewaktu penularan wabak Covid-19 yang lalu adalah bertepatan dengan konsep seperti yang digariskan dalam Islam dalam menjaga maqasid syariah pemeliharaan nyawa masyarakat awam dan dalam masa yang sama bagi mencapai masalah kebaikan kepada mereka.

Antara tindakan yang telah diambil tersebut antaranya adalah menutup pintu keluar masuk negara melalui semua jenis pengangkutan, perintah larangan perjalanan dan perhimpunan yang dilaksanakan untuk masyarakat dalam negara, penutupan kesemua aktiviti ekonomi, pendidikan, sosial termasuk premis kerajaan dan swasta dan sebagainya yang bersifat terbuka bagi membendung penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

Peranan Kerajaan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia yang mengambil langkah segera dengan memperuntukkan sebanyak RM3 billion untuk tujuan vaksinasi pada hujung tahun 2020 (Leong, 2020) dan pengurusan pesakit yang dijangkiti dengan wabak tersebut amat bersistematik dalam usaha mengawal wabak tersebut.

Kesemua tindakan tersebut diperakui membawa kemaslahatan kepada masyarakat awam dan dengan menepati tujuan objektif pensyariaan iaitu untuk menjaga pemeliharaan terhadap agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

RUJUKAN

Buku

- Ibn 'Ashur, Muhammad al-Tahir. 1998. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyah*. al-Basyair Li al-Intaj al-'Ilmi.
- al-Shatibiyy, Abu Ishak. 1997. *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Syariah*. Beirut: Dar al-Makrifah.
- al-Shatibiyy, Abu Ishaq, Ibrahim bin Musa. t.th. *Al-Muwafaqat Fi Usul al-Shari'ah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Zuhayliyy, Wahbah. 1996. *Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyik: Dar al-Fikr.

Jurnal

- Afnan Faiz Ridzuan Ahmad, J. S. 2021. *Maslahah Yang Bersumberkan Sunnah Nabawiyyah dan Pengaplikasiannya dalam Garis Panduan Pembukaan Semula Sekolah Akibat Covid-19*. International Journal of Islamic and Civilizational Studies, 80-93.
- Che Mohamad, Shahr, Md Tahir, Syed Abd. Hamid. 2020. *Muslims Responses to Pandemics: Lessons from the Best Generation*. IIUM Medical Journal Malaysia, 21-26.
- Irwan, M. S. 2020. *Langkah Pencegahan Pandemik Covid 19 Melalui Perintah Kawalan Pergerakan: Satu Masalah*. Journal of Fatwa Management and Research, 65-78.

Seminar dan Prosiding

- Hasri Harun, H. M. 2021. *Konsep Hifz an-Nafs (Pemeliharaan Nyawa) Berdasarkan Maqasid Syariah dalam Menghadapi Pandemik Covid-19*. International Conference On Syariah & Law2021(ICONSYAL 2021)-Online Conference. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia>
- Lukman Abd Mutalib, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Abdul Manan Ismail & Mohd Soberi. 2020. *Sorotan Sejarah Penyakit Berjangkit (Wabak)*

Sebagai Asas Pembinaan Fiqh Pandemik: Kajian Maqasidiah. The 3rd International Conference of the Postgraduate Students and Academics in Syariah and Law 2020 (INPAC 2020).

Dokumen

Akademi Sains Malaysia (ASM). Lembaran Fakta Penyelidikan Covid-19. Malaysia.

Laman Sesawang

Abd al-Karim al-Qalaliyy. 2020. Manhaj al-Shari'at al-Islamiyyah Fi al-Wiqayah Min al-Waba' Wa Ilajih. <https://www.hespress.com/writers/463222.html> (diakses pada 16 Januari 2023).

Berita Harian Online. 2020. Kronologi Covid-19 Di Malaysia. <https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2020/03/666122/kronologi-covid-19-di-malaysia> (diakses pada 10 Januari 2023)

Evayusni. 2022. Fahami Istilah Berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). <https://people.utm.my/evayusni/apa-beza-pkp-pkpb-pkpd-dan-pkpdb/> (diakses pada 10 Januari 2023)

Leong, C. K. 2020. Peruntukan RM3 bilion vaksin Covid-19 termasuk kos penyimpanan, pengangkutan. <https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/288745> (diakses pada 25 Disember 2022)

Muhammad Nur Akmal Azizuddin, Intan Juliana Abd Hamid. 2020. 9 Fakta Mengenai COVID-19. <http://covid19.kk.usm.my/artikel/bacaan-umum/79-9-%20fakta-mengenai-covid-19> (diakses pada 10 Januari 2023)

Rafidah, M. R. 2020. Berita Harian Online. Maqasid Syariah Jadi Prinsip Panduan Usaha Lawan Covid-19. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/09/736376/maqasid-syariah-jadi-prinsip-panduan-usaha-lawan-covid-19> (diakses pada 22 Disember 2022)

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.